

Rokok seludup bernilai RM12 juta dirampas



Johari (tiga dari kiri) menunjukkan rokok seludup yang dirampas dalam serbuan di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang pada 25 Jun lalu.

Ejen kastam bersama dua lelaki ditahan disyaki dalang kes

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PELABUHAN KLANG

Jabatan Kastam Diraja Malaysia mematahkan cubaan menyeludup 30.1 juta batang rokok bernilai RM12.04 juta di Pelabuhan Utara di sini pada Khamis minggu lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pamatuhan), Datuk Johari Ali-fiah berkata, rampasan rokok yang dimuatkan dalam tiga kontena itu adalah hasil risikan Unit Siasatan Dalam (USD) Kastam selama tiga bulan.

"Hasil pemeriksaan awal ke

atas tiga kontena bersaiz 40 kaki itu, kita menemui rokok seludup pelbagai jenama yang disyaki barang larangan atau barang belum lulus kastam.

"Analisis ke atas borang Kastam 1 (import) menunjukkan dagangan (rokok) di dalam tiga kontena tersebut diikrar sebagai *hubble plate* serta *mechanical stent* dan ia berbeza dengan isi kandungan fizikal dagangan yang ditemui," katanya pada sidang akhbar di Wisma Kastam di sini semalam.

Johari berkata, rampasan rokok yang membabitkan jumlah duti dan cukai sebanyak RM21.07 juta itu dipercayai diseludup masuk ke negara ini menggunakan kapal dari China.

Menurutnya,

susulan rampasan itu, kastam menahan tiga lelaki termasuk seorang ejen kastam berumur 27 hingga 36 tahun.

"Modus operandi sindiket adalah membuat pengikraran pada borang kastam yang tidak benar sebelum barangan dagangan tiba di pelabuhan bagi mengelakkan kegiatan mereka dihidu pihak kami.

"Selain itu, borang kastam yang diikrar juga mengguna pakai lesen Gudang Pengilang Berlesen (GPB) serta butiran dagangan yang bukan kritikal untuk mengelirukan pegawai penaksir bagi tujuan pelepasan dagangan tersebut," kata beliau.

Johari berkata, pihaknya sedang mengesan beberapa lagi individu dipercayai terlibat dalam kes berkenaan.



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL